

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJUNG MALIM]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta PERDANA MENTERI menyatakan bantuan dan pelan pembangunan yang telah atau bakal dilaksanakan di kampung-kampung Orang Asli di kawasan Parlimen Tanjung Malim dari tahun Mei 2018 hingga kini.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat 41 buah kampung Orang Asli dengan penduduk berjumlah 20,637 orang di parlimen Tanjung Malim. Sehingga kini, daripada 41 buah kampung, sebanyak 27 buah kampung telah mempunyai bekalan air terawat, 28 kampung telah mempunyai bekalan elektrik dan semua kampung telah mempunyai jalan perhubungan.

Sejak Mei 2018 sehingga kini, pelbagai program pembangunan dilaksanakan oleh JAKOA di Parlimen Tanjung Malim iaitu pelaksanaan projek infrastruktur, bantuan rumah bina baru, bantuan baik pulih rumah dan bantuan pembangunan ekonomi berjumlah **RM1,023,099.70**.

NO. SOALAN : 5

JAKOA sentiasa membuat perancangan berdasarkan peruntukan yang diagihkan dan mengambil perhatian terhadap isu pembangunan yang melibatkan masyarakat Orang Asli bagi memastikan Orang Asli tidak terpicir dari arus perdana dan peruntukan dibelanjakan secara optima. JAKOA akan meneruskan pelan pembangunan yang telah dirancang berdasarkan Pelan Strategik JAKOA 2016-2020 kepada seluruh masyarakat Orang Asli di kampung-kampung Orang Asli amnya termasuk masyarakat Orang Asli di kawasan Parlimen Tanjung Malim.

Sekian. Terima kasih.